

SASARAN 60 PERATUS VAKSINASI

Hajiji minta Kerajaan Pusat hantar cepat vaksin ke Sabah untuk capai sasaran menjelang Okt
UB 23.07.2021 P.1
Oleh Yvett Olivia Najares

KOTA KINABALU: Kerajaan Negeri berharap agar bekalan vaksin dihantar lebih banyak ke negeri ini bagi memastikan Sabah mencapai sasaran imuniti kelompok dalam usaha mengekang penularan pandemik COVID-19.

Ketua Menteri Datuk Hajiji Noor berkata, jumlah 2.2 juta dos vaksin tidak mencukupi berikutan sejumlah 2.7 juta rakyat Sabah yang perlu divaksin.

Justeru, katanya, Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diharap dapat membekalkan jumlah vaksin lebih banyak ke negeri ini, bagi mencapai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk menerima vaksin menjelang bulan Oktober ini.

"Kita memang mahu mendapatkan lebih banyak bekalan vaksin dan berharap kerajaan dapat berbuat demikian. Justeru, kita berharap kerajaan Persekutuan dapat membekalkan vaksin ke negeri ini dengan lebih banyak kerana Sabah antara yang terendah dan kita tidak menerima banyak (bekalan vaksin) daripada kerajaan," katanya.



VAKSINASI: Hajiji diringi Dr Taufiq bertanya sesuatu kepada seorang penerima vaksin ketika melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Universiti Malaysia Sabah (UMS) semalam.

Beliau berkata demikian semasa melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini.

Turut hadir Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin dan Pengarah Jabatan

Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) Dr Rose Nani Mudin.

Hajiji berkata kerajaan memahami kelewatan penghantaran vaksin itu juga antara lain berpunca daripada pembekal yang lambat sampai ke negara

ini. "Memang ada sedikit kelewatan tetapi Kementerian Kesihatan sudah menjadualkan semula penghantaran vaksin ke negeri ini," katanya.

"Kita harapkan Kerajaan

Persekutuan dapat membekalkan vaksin ke Sabah dengan lebih banyak berikutan Sabah adalah antara negeri yang mencatatkan pemberian vaksin terendah dalam negara.

"Saya harapkan pihak

Kerajaan Persekutuan dan KKM dapat menghantar bekalan yang diperlukan bagi mencapai sasaran 50 hingga 60 peratus akan menerima vaksin COVID-19 menjelang Oktober," katanya.

Dalam pada itu, Hajiji berkata pihaknya berterima kasih dengan usaha UMS yang menyediakan PPV kepada warga UMS dan dibuka kepada orang awam bagi mendapatkan suntikan vaksin.

"Usaha ini adalah sesuatu yang amat kita perlukan dan UMS membantu kerajaan mengatasi masalah kawasan PPV terutama di ibu negeri sendiri, sejak beroperasi 14 Jun lalu PPV ini sudah memberi vaksinasi kepada 13,729 orang.

"Kita difahamkan UMS juga akan meningkatkan pemberian vaksin kepada 3,000 dos minggu hadapan berbanding hanya 1,000 dos sehari sekarang yang dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan perubatan daripada UMS sendiri," katanya.

Tambahnya, pihaknya juga difahamkan UMS akan membantu kerajaan memberikan suntikan vaksin kepada penduduk di kawasan perkampungan selepas ini.